Doa Itu Ibadah

(1)

OLEH :
UST. RASUL BIN DAHRI

TEL :
012-7713635
019-7783635
07-3353635 (Rumah)
07-3345204 (Pejabat)

بســم الله الرحمن الرحيم

إنَّ الْحَمْدَ للهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

{يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ} .

{يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِى خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَاءًا وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَاءَلُوْنَ بِهِ وَالأَرْحَامَ إِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا} .

{يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا}

. أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الأُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا ، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

Kesalahan Dalam Berdoa

Telah dikhabarkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* melalui sabdanya, bahawa akan berlaku di kalangan umat baginda terutamanya pada akhir zaman orang-orang yang berlebih-lebihan (membuat kesalahan atau berbaur bid'ah) dalam berdoa. Baginda bersabda:

سَيَكُوْنُ فِى هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُوْنَ فِى الطُّهُوْرِ وَالدُّعَاءِ.

"Akan terjadi di kalangan umat ini golongan yang berlebih-lebihan dalam bersuci dan berdoa".[1]

سَيَكُوْنُ فِى هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُوْنَ فِى الدُّعَاءِ.

"Akan terjadi di kalangan umat ini golongan yang berlebih-lebihan dalam berdoa".[2]

Berdoa Termasuk Ibadah

Berdoalah kerana berdoa itu termasuk ibadah kepada Allah *'Azza wa-Jalla*. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ.

"Doa itu adalah Ibadah".[3]

Amat jelas bahawa berdoa termasuk amlan amal soleh dan ibadah yang dituntut, maka berdoalah kepada Allah *'Azza wa-Jalla*

---

[1]. H/R Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah. Berkata Ibnu Kathir isndnya hasan. Lihat: Tafsir Ibnu Kathir (2/222).

[2]. H/R Abu Daud dan Ahmad.

[3]. H/R Tirmizi, Ibnu Majah, an-Nasaii, Abu Daud.

dengan penuh keikhlasan dengan tidak melibatkan kesyirikan dalam berdoa. Allah berfirman:

وَادْعُوْهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ

"Dan sembahlah (beribadahlah/berdoalah kepada) Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepada-Nya".[4]

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللهِ إِلَهًا ءَاخَرَ لاَبُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لاَ يُفْلِحُ الْكَافِرُوْنَ.

"Dan barangsiapa menyeru ilah yang lain di samping Allah, padahal tidak ada suatu dalil pun baginya tentang itu, maka sesungguhnya perhitungannya di sisi Rabnya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itru tidak beruntung".[5]

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ يَدْعُوْا مِنْ دُوْنِ اللهِ مَنْ لاَ يَسْتَجِيْبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَهُمْ عَنْ دُعَائِهِمْ غَافِلُوْنَ.

"Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang menyeru sembahan-sembahan selain Allah yang tiada dapat memperkenankan (doanya) sampai hari kiamat dan mereka lalai dari (memperhatikan) doa mereka".[6]

قُلْ إِنَّمَا أَدْعُوْا رَبِّي وَلاَ أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا.

---

[4]. Al-A'raf. 29.
[5]. Al-Mukminun. 23:117.
[6]. Al-Ahqaf. 5.

"Katakanlah, sesungguhnya aku hanya menyeru Rabku dan aku tidak mempersekutukan sesuatu pun dengan-Nya!".[7]

Jangan Jadi Orang Yang Sombong Dan Lemah

Orang-orang yang enggan berdoa adalah orang yang sombong sebagaimana firman Allah:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ادْعُونِيْ أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِيْنَ يَسْتَكْبِرُوْنَ عَنْ عِبَادَتِيْ سَيَدْخُلُوْنَ جَهَنَّمَ دَاخِرِيْنَ.

"Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan-Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku (berdoa kapada-Ku) akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina dina".[8]

Malah orang yang tidak mahu berdoa adalah orang yang lemah. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersbda:

أَعْجَزُ النَّاسِ مَنْ عَجَزَ عَنِ الدُّعَاء ، وَأَبْخَلُهُمْ مَنْ بَخِلَ بِالسَّلاَمِ

"Selemah-lemah manusia adalah orang yang lemah (tidak mahu) berdoa dan sekikir-kikir manusia adalah orang yang kikir untuk memberi salam".[9]

---

[7]. Al-Jin. 20
[8]. Ghafir. 40:60
[9]. H/R Abu Ya'la, Ibnu Hibban, At-Tabrani

Doa Mampu Merubah Takdir

Tidak ada yang boleh menolak takdir dan menyelamatkan seseorang dari neraka Jahanam kecuali berdoa kepada Allah. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

لاَيَرُدُّ الْقَدَرَ إِلاَّ الدُّعَاءُ ، وَلاَ يَزِيْدُ فِى الْعُمْرِ إِلاَّ الْبِرُّ ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيْبُهُ.

"Tidak ada yang mampu menolak takdir (Allah) kecuali doa, tidak ada yang boleh menambah umur kecuali amalan/perbuatan baik. Sesungguhnya seseorang boleh terhalang rezekinya kerana dosa-dosa yang dilakukannya". [10]

Menyelesaikan Segala Masalah Dengan Doa

Doa selain boleh merubah takdir, doa juga boleh menghindarkan diri dari bala, penderitaan, musibah dan menyelamatkan diri dari neraka Jahanam. Dalam sebuah hadis Nabi berdoa:

أَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَعُوْذُبِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari azab neraka Jahanam!". [11]

Allah berfirman tentang Nabi Ibrahim *'alaihis-sallam* yang berdoa:

وَأَدْعُوْ رَبِّيْ عَسَى أَلاَّ أَكُوْنَ بِدُعَاءِ رَبِّيْ شَقِيًّا.

---

[10]. H/R Tirmizi.
[11]. H/R Muslim.

"Dan aku akan berdoa kepada Tuhanku, mudah-mudahan aku tidak akan kecewa dengan berdoa kepada Tuhanku".[12]

Dan firman Allah *'Azza wa-Jaila* memperkatakan tentang doanya Nabi Zakariya *'alaihis-sallam*:

وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا.

"Dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau wahai Tuhanku".[13]

Orang-orang beriman setiap kali menghadapi masalah, kesulitan atau musibah akan cepat-cepat berdoa kepada Allah kerana berdoa satu dari amal soleh yang dituntut. Allah berfirman:

إِنَّهُمْ كَانُوْا يُسَارِعُوْنَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُوْنَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا

"Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera dalam mengerjakan perbuatan-perbuatan yang baik dan mereka berdoa kepada Kami dengan harap dan cemas".[14]

Adab Dan Syarat-Syarat Berdoa:

Allah *'Azza wa-Jalla* telah menerangkan cara-cara berdoa, Begitu juga Rasulullah-Nya telah mencontohkan adab-adab dan syarat-syarat berdoa. Allah berfirman:

أُدْعُوْا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لاَ يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ

---

[12]. Maryam. 19:48.
[13]. Maryam. 19:4.
[14]. Al-Anbiya. 90.

"Berdoalah kepada Tuhamu dengan berendah diri dan dengan suara yang lembut".[15]

إِذْ نَادَى رَبَّهُ نِدَاءً خَفِيًّا

"Iaitu apabila ia berdoa kepada Tuhannya ia berdoa dengan suara yang lembut".[16]

وَاذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً

Dan sebutlah (nama) Tuhanmu pada dirimu dengan merendahkan diri dan rasa takut dan dengan tidak menguatkan (mengangkat) suara".[17]

وَلَاتَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيْلاً

"Dan jangnlah kamu menguatkan suara kamu dalam solatmu dan janganlah pula merendahkan dan carilah jalan tengah antara keduanya itu".[18]

Dimaksudkan bisolatika (بِصَلَاتِكَ) ialah dengan doamu. Menurut 'Aisyah *rdiallahu 'anha:* Ayat ini diturunkan berkaitan dengan doa.

أَيُّهَا النَّاسُ ، إِرْبَعُوْا عَلَى أَنْفُسِكُمْ ، إِنَّكُمْ لاَ تَدْعُوْنَ أَصَمَّ ، وَلاَ غَائِبًا ، إِنَّكُمْ تَدْعُوْنَ سَمِيْعًا قَرِيْبًا وَهُوَ مَعَكُمْ.

"Wahai manusia, kasihanilah diri kamu, sesungguhnya kamu tidak menyeru (berdoa) kepada Tuhan yang tuli lagi ghaib,

---

15. Al-A'raf. 55.
16. Maryam. 3.
17. Al-A'raf. 205.
18. Mutaffq 'Alaihi.

akan tetapi kamu berdoa (menyeru) kepada Zat Yang Maha Mendengar lagi Maha Dekat, dan Dia bersama kamu".[19]

يُسْتَجَابُ لِأَحَدِكُمْ مَا لَمْ يَعْجَلْ ، فَيَقُوْلُ : قَدْ دَعَوْتُ فَلَمْ يُسْتَجَبْ لِيْ

"Aku kabulkan doa salah seorang dari kamu selama tidak memaksa (menggesa) dengan mengatakan: Aku telah berdoa, namun mengapa masih belum lagi dikabulkan untukku?".[20]

أُدْعُوْا اللهَ وَأَنْتُمْ مُوْقِنُوْنَ بِالإِجَابَةِ ، وَاعْلَمُوْا أَنَّ اللهَ لاَ يَسْتَجِيْبُ دُعَاءً مِنْ قَلْبٍ غَافِلٍ لاَهٍ.

"Berdoalah kamu kepada Allah sedangkan kamu merasa yakin akan diterima! Ketahuilah bahawasanya Allah tidak akan mengabulkan doa yang bersumber dari hati yang lalai".[21]

---

[19]. H/R Bukhari dan Muslim.
[20]. Hadis Mutaffaz 'Alaihi.
[21]. H/R Tirmizi dan Hakim.

SENARAI KULIAH-KULIAH UST RASUL DAHRI (SINGAPURA)

HARI	MASA	KAWASAN	ALAMAT	TALIPON
JUMAAT	9 – 1100 MLM	TAMPINES	BLK 824 #02-14, TAMPINES ST 91,	SDR. RAHMAD (HP 96371164)
RABU	9 – 1100 MLM	TOH GUAN	BLK 279 #15-201, TOH GUAN RD,	SDR. JABAR (HP 97705468)
KHAMIS	9 – 1100 MLM	EUNOS	NO .84, JALAN EUNOS	SDR. IDRIS (H/P 94354695)
SELASA	9 – 1100 MLM	JURONG	BLK 934 #03-314, JURONG WEST ST 91,	SDR. SA'ADON (TEL 68628435)
SABTU	9 – 1100 MLM	WOODLANDS	PENDIDIKAN ASAS DARU ASHOMIDDIN WOODLANDS POINT, #03-01	SDR. SUPAAT (H/P 92328941)

Terbuka kapada sesiapa yang ingin mengikuti pengajian berlandaskan
Al-Quran dan As –Sunnah yang bermanhaj 'SALAF'

rasuldahri.com

mengajak manusia mengamalkan Al-Quran dan As-Sunnah dengan pemahaman salaful ummah

pelancaran

webTV

ENAM saluran
bakal menjamu ANDA

Ikutilah Siri Kajian ImamSyafie Secara Langsung

Kami sedang berusaha menyediakan infrastruktur supaya Kajian ImamSyafie dapat diikuti melalui internet. Rakan-rakan kita di mana sahaja, bahkan di seluruh dunia kini boleh mengikuti kuliah, berdiskusi dan menanyakan kemusykilan secara langsung.

Siri Kajian ImamSyafie melalui Paltalk yang dilancarkan sejak bulan Mac 2007 mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada sahabat kita yang sedang berada di luar Negeri terutamanya Korea, Jepun, Indonesia, Perancis, dan Brunei.

Untuk peringkat selanjutnya, kami sedang berusaha menyediakan webTV berisi siri rakaman kuliah dan pada masa akan datang menayangkan webTV kajian secara langsung. Mudah-mudahan usaha ini mendapat pertolongan dari Allah, Amin.

Siri Kajian ImamSyafie secara langsung boleh diikuti menggunakan PALTALK MESSENGER

CARA MEMASANG PALTALK

1. Sila download dan install paltalk dari www.paltalk.com
2. Sekiranya anda belum pernah mendaftar sila klik New user? Start Here di laman www.paltalk.com
3. Sila login ke Paltalk Messenger
   Klik {*Join a Chat Room*} dari menu {*Actions*}.
   Apabila {*Rooms List*} terbuka:
4. Pilih {*Religion and Theology*}
5. Pilih {*Islam*}
6. Pilih {*Kajian ImamSyafie*}

JADUAL KAJIAN BOLEH DIRUJUK DI WWW.RASULDAHRI.COM

webTV

Kini mencecah 30,000 pelawat, dan dijangka mencapai 300,000 setahun

www.rasuldahri.com

Jika anda tidak dapat melihat video, sila download dan install pemain video sopcast dari www.sopcast.com

Kami berusaha melayani kesulitan anda, sila hubungi: admin@rasuldahri.com